**Publication: Berita Harian, p 10_11**
**Date: 19 January 2019**
**Headline: Choosing law to fulfill trust and to help the community**

# Bukan sebarang peguam

*Sebut sahaja kerjaya peguam, yang terlintas dalam fikiran adalah amanah berat yang digalas dalam mengendalikan bermacam kes – daripada perceraian, jenayah hingga konflik perniagaan. Mungkin stereotaip yang 'melekat' dalam benak ramai mengenai peguam adalah personalitinya yang garang, tegas dan tidak mampu diusik. Namun, dalam konteks masa kini, lebih ramai wanita Melayu muda mencapai aspirasi sebagai peguam atas sebab berbeza.*
**HARYANI ISMAIL** *(haryani@sph.com.sg) dan* **FARID HAMZAH** *(farid@sph.com.sg) melaporkan di halaman ini dan sebelah.*



**CEBURI BIDANG GUAMAN ATAS DORONGAN TERSENDIRI:** *(Dari kiri)* Cik Roy'yani Abdul Razak, Cik Ameera Bajrai dan Cik Nur Izyan Mohammad Rahim menjadi peguam kerana didorong pelbagai faktor, antaranya keinginan untuk menyumbang kepada masyarakat, terpengaruh dengan keanggunan dan semangat profesional serta status kerjaya peguam yang dipandang tinggi dalam masyarakat. – Foto BH oleh HARYANI ISMAIL

"Saya menetapkan impian menjadi rakan kongsi firma guaman apabila mencapai usia 35 tahun. Mudah-mudahan saya akan jadi peguam yang selesa didekati mereka yang tersepit dengan masalah undang-undang. "Tugas ini mencabar. Dimarahi peguam lebih mapan serta mereka yang mendapatkan khidmat guaman saya menjadi perkara biasa. "Ada yang mungkin membuat saya rasa terlalu kecil tetapi berkat kesabaran dan kecekalan, saya mampu mengatasinya."

**– Cik Ameera Bajrai, daripada I.R.B. Law LLP Advocates & Solicitors, yang tertarik pada paparan peguam jelita atau tampan yang tegas lagi berdedikasi dalam drama guaman popular 'The Practice' dan 'Law & Order'.**

## Terpengaruh lihat watak anggun lagi berdedikasi dalam drama TV

DARIPADA senyumannya yang manis, personaliti menawan, gaya penampilan santai serta pengetahuan mengenai dunia hiburan, ada yang mungkin menyangka Cik Ameera Bajrai seorang pereka fesyen atau karyawan media, kalau tidak pun peragawati.

Namun, lulusan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) itu sebenarnya tidak pernah memendam impian bergelar peguam yang perlu bertikam lidah di mahkamah.

Ketika meniti usia remaja, Cik Ameera hanyalah 'kaki televisyen' yang tertarik pada paparan peguam jelita atau tampan yang tegas lagi berdedikasi dalam drama guaman popular *The Practice* dan *Law & Order*.

Dalam hatinya berkata-kata berdasarkan stereotaip mengenai sang peguam yang selalu bermain dalam fikiran:

"Glamor agaknya hidup si peguam, semestinya mereka pelajar terbaik yang bijak atau datang daripada keluarga yang kaya raya."

Namun, keputusan yang baik dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) Peringkat 'A' membuat beliau berubah fikiran dan ingin mencuba jurusan undang-undang di SMU.

Cik Ameera merasakan khidmat guaman buat masyarakat begitu bernilai dengan kerjaya itu akan membuka ruang baginya menolong orang lain yang memerlukan, lantas mengubah hidup mereka.

Impian anak sulung dalam keluarga empat beradik itu bergelar peguam tercapai pada hari lahirnya yang ke-24 pada 31 Ogos tahun lalu. Beliau terlatih dalam undang-undang sivil dan jenayah, estet dan perwarisan serta perkahwinan.

Kini, beliau, yang bertugas di firma guaman I.R.B. Law LLP Advocates & Solicitors, akur banyak yang dipelajari mengenai kehidupan yang rapuh dan hubungan sesama manusia yang boleh bertukar sekelip mata.

Sebagaimana kongsi Cik Ameera, yang ditemui di pejabat *Berita Harian*, baru-baru ini:

"Ramai yang terkejut kerana saya memilih bidang guaman sebagai kerjaya kerana keputusan akademik saya biasa-biasa sahaja.

"Memandangkan saya gemar menonton televisyen dan wayang hingga ke hari ini, sedikit sebanyak saya terpengaruh dengan andaian mengenai skop kerja peguam pada awalnya.

"Namun, sepanjang tempoh setahun ini, saya menyedari bahawa tugas peguam ini memerlukan saya bersengkang mata bagi menjalankan penyelidikan kes berjam-jam lamanya."

Memandangkan beliau banyak mengendalikan kes perceraian yang membabitkan kecurangan, emosi wanita romantis ini turut terjejas.

"Saya mula tertanya-tanya apa erti cinta dan perkahwinan kalau di akhirnya mahligai itu musnah di tengah jalan? Kerana saya belum berumah tangga, perihal sebegini menimbulkan rasa bimbang mengenai masa depan sendiri.

"Saya pernah mengendalikan kes satu pasangan yang telah bercinta buat tempoh yang lama. Tahu-tahu, selepas berumah tangga dan diuji kesulitan, mereka jadi bermusuhan dalam sekelip mata sahaja," ceritanya lagi.

Pernah juga pada minggu pertama latihan guamannya, beliau dan seorang lagi peguam baru diserahkan kes cerai yang kompleks kerana wujud sembilan isu yang dipertikai suami dan isteri itu.

"Kami mewakili pihak suami dan ditugaskan mengendalikan kes ini bersama bos kami. Banyak yang dipelajari mengenai undang- undang keluarga. Kes itu belum lagi selesai.

"Hati saya cukup terkesan dengan kes ini kerana kasihankan anak tunggal pasangan ini yang masih kecil lagi. Hak menjaganya menjadi rebutan. Banyak kepahitan dirasakan," dedah beliau lagi.

Namun, ketika diminta menyingkap kes paling berat yang pernah ditangani, Cik Ameera tidak teragak-agak menyatakan bahawa beliau tidak mampu melupakan kes penahanan tanpa perbicaraan seorang belia berusia awal 20-an tahun.

"Saya bekerjasama dengan peguam jenayah bagi kes belia yang tersilap langkah, tersalah pergaulan lantas terjebak dalam jenayah. Apabila dia menyedari kesilapannya, ia sudah terlambat dan dia ditahan hingga ke hari ini.

"Kali pertama kami memohon agar dia diberi kebebasan, kami gagal tetapi diberi peluang memohon buat kali kedua. Pendekatan berbeza digunakan tetapi usaha membebaskannya tetap gagal.

"Proses menangani kes ini adalah yang paling sukar buat saya sehingga memikirkan mengenai belia yang masih muda ini membuatkan saya menitiskan air mata. Ia sesuatu yang tidak dipelajari di sekolah guaman, apa lagi penahanan tanpa perbicaraan merupakan satu bidang tukikan. Namun, saya akan berikan yang terbaik dan berharap kemahiran saya dapat lebih ditajamkan," katanya lagi.

Cik Ameera, yang gemar melakukan senaman pernafasan yoga, menonton bola sepak, bermain go-kart dan berkunjung ke pesta muzik antarabangsa di luar negara mahupun muzikal memastikan masa lapangnya terisi dengan kegiatan berfaedah lagi menghiburkan.

"Saya menetapkan impian menjadi rakan kongsi firma guaman apabila mencapai usia 35 tahun. Mudah-mudahan saya akan jadi peguam yang selesa didekati mereka yang tersepit dengan masalah undang-undang.

"Tugas ini mencabar. Dimarahi peguam lebih mapan serta mereka yang mendapatkan khidmat guaman saya menjadi perkara biasa.

"Ada yang mungkin membuat saya rasa terlalu kecil tetapi berkat kesabaran dan kecekalan, saya mampu mengatasinya," tambah beliau, yang berminat dalam undang-undang teknologi, media, sukan dan kuasa tenaga.

**Publication: Berita Harian, p 10_11**
**Date: 19 January 2019**
**Headline: Choosing law to fulfill trust and to help the community**

# Kian ramai orang muda minati bidang guaman

> "Jumlah kegiatan kami telah bertambah dan ini menarik perhatian peguam setempat, termasuk yang baru keluar universiti... Tujuan kami memperkenal objektif AML kepada mereka. AML juga melakukan kerja amal... Pada masa yang sama, AML juga boleh menjadi platform bagi peguam muda mendapatkan nasihat mengenai etika sebagai peguam."
>
> **– Encik Noor Mohamed Marican, Presiden Pertubuhan Peguam Muslim (AML), yang akan mengadakan satu pertemuan antara peguam muda dengan veteran pada 22 Februari ini.**

PERTUBUHAN Peguam Muslim (AML) menyaksikan bilangan peguam Muslim yang semakin ramai pada masa ini dan minat yang bertambah dalam kalangan belia terhadap bidang guaman.

Ini hasil maklum balas dan jumlah penyertaan dalam ceramah tahunan serta kegiatan anjuran AML setiap tahun.

Presiden AML, Encik Noor Mohamed Marican, berkata setiap kali acara AML berlangsung, terutama ceramah tahunannya, sekitar 300 hingga 400 peserta menghadirinya – dengan sekitar 50 peratus terdiri daripada peguam muda.

"Jumlah kegiatan kami telah bertambah dan ini menarik perhatian peguam setempat, termasuk yang baru keluar universiti.

"Padahal kami belum adakan sebarang kempen untuk menarik keahlian," kata Encik Noor baru-baru ini.

Justeru AML kini mengorak langkah menarik lebih ramai anggota baru menyertai persatuan tersebut, katanya lagi.

AML akan mengadakan satu pertemuan antara peguam muda dengan veteran pada 22 Februari ini yang dijangka dihadiri sekitar 60 tetamu.

"Tujuan kami memperkenal objektif AML kepada mereka. AML juga melakukan kerja amal.

"Pada masa yang sama, AML juga boleh menjadi platform bagi peguam muda mendapatkan nasihat mengenai etika sebagai peguam," katanya lagi.

Menurut Encik Noor, kebanyakan peguam Muslim kini turut aktif dalam kes litigasi, bukan sekadar di Mahkamah Syariah, malah di Mahkamah Rendah, Mahkamah Keluarga dan Mahkamah Tinggi.

"Sesetengah mereka menubuhkan firma sendiri dan sedang melangkah jauh.

"Namun, kami masih perlukan peguam. Memang kerjanya mencabar dan masih ada ruang bagi peguam menyertai bidang ini, terutama dalam mengendalikan kes komersial yang besar," tambahnya dalam jawapan e-mel kepada *Berita Harian*.

Encik Noor dilantik selaku presiden AML pada 2012, dua tahun selepas pertubuhan itu dilancarkan.

Sejak itu, AML telah menganjurkan pelbagai kegiatan amal bagi semua bangsa, terutama bagi masyarakat Muslim dalam Ramadan.

Ia turut menganjurkan ceramah tahunan yang membincangkan isu-isu guaman penting.

Antaranya termasuk isu melindungi kanak-kanak, golongan kurang upaya dan pembantu rumah dalam ceramah tahun lalu.

AML turut menerbitkan majalah *Al-Mizan* dengan kandungannya termasuk ehwal semasa Singapura seperti berita palsu, ucapan berbaur kebencian dan naratif alternatif.

Encik Noor menganggarkan terdapat sekitar 300 anggota AML pada masa ini, termasuk anggota bersekutunya yang bukan Muslim.

Beliau, yang telah menceburi bidang guaman sejak 43 tahun lalu, berkata pengalaman merupakan inti penting yang perlu ditimba seorang peguam yang bercita-cita "melangkah jauh".

Kadangkala pengalaman tersebut memakan masa sehingga berpuluh tahun sebelum seorang peguam itu mampu menguruskan kes lebih berat, katanya lagi.

"Sepanjang tempoh saya menceburi bidang ini, saya dapati banyak yang perlu ditempuhi sebelum seseorang itu dapat mengendalikan kes lebih besar dan berat," ujar beliau semasa ditemui wartawan.

Encik Noor, 68 tahun, berkata mujur teknologi kini banyak memudahkan kerja peguam, yang sebelum ini banyak memerlukan kertas.

"Semua maklumat yang saya perlukan ada dalam telefon bimbit saya. Tak macam dulu. Masuk mahkamah bawa beg, fail bertimbun macam nak belayar," ujarnya sambil berseloroh.

Setiausaha Kehormat AML, Encik Faizal Wahyuni, 51 tahun, pula berkata peguam muda kini perlu berdepan cabaran bersaing bukan sahaja dengan lulusan setempat, malah siswazah lulusan luar negara.

"Kesemua mereka bersaing untuk mendapatkan tempat bekerja di sini. Dengan jumlah lulusan yang semakin ramai, pastinya persaingan lebih sengit," jelasnya.

Penolong Setiausaha AML, Cik Hawa Zinat Jailani, 47 tahun, berkata mereka yang menyertai persatuan itu antara lain berpeluang menjalin rangkaian dengan peguam lebih berpengalaman.

Peguam veteran AML sering mengadakan sesi berkongsi pengalaman serta tunjuk ajar kepada anggota barunya.

**Publication: Berita Harian, p 10_11**
**Date: 19 January 2019**
**Headline: Choosing law to fulfill trust and to help the community**

# Pilih bidang guaman untuk tunai amanah, bantu masyarakat

DENGAN tutur kata Cik Roy'yani Abdul Razak yang lemah lembut, tertanya-tanya dalam hati kenalan terdekatnya bagaimana beliau mampu menggalas amanah sebagai peguam yang antara lain perlu tangkas berdebat.

Namun, ketelitian dalam menangani dan menyelidiki setiap kes membuatnya mampu menangani anak guam yang sukar diuruskan, malah memiliki banyak kerenah.

Baru-baru ini, beliau turut memenangi satu kes sivil dengan lawannya diwakili peguam yang mempunyai pengalaman 25 tahun.

Apabila ditanya apa yang mendorong beliau menjadi peguam, Cik Roy'yani, 26 tahun, yang merupakan lulusan Universiti Pengurusan Singapura (SMU), berkata:

"Saya merasakan segalanya merupakan satu tanggungjawab dan amanah. Saya diberkati dengan keputusan peperiksaan dan gred yang baik. Selesai pengajian di Maktab Rendah Raffles (RJC), saya tidak pasti apa yang saya ingin lakukan.

"Apabila saya mendapat tempat di sekolah guaman, saya menerimanya sebagai satu fardu kifayah dan peluang membantu masyarakat. Saya melihat teman-teman sekeliling yang mempunyai gred lebih baik tetapi tiada rezeki meneruskan pengajian dalam bidang undang-undang.

"Keadaan itu membuatkan saya merasakan saya harus bersyukur dan memberikan yang terbaik bagi kerjaya ini.

"Undang-undang juga pilihan praktikal kerana ia ada di mana-mana. Secara asas, ia mentadbir hidup kita, baik daripada perihal kontrak kepada aset dan perkahwinan. Di mana kita perlu membuang sampah juga ditentukan undang-undang.

"Tambahan pula, saya akur kemahiran analisis dan advokasi daripada sekolah undang-undang juga boleh dipindahkan kepada orang lain."

Sistem undang-undang, jelasnya, juga memainkan peranan penting dalam mencorak masyarakat.

Memberi contoh, beliau, yang ditemui di pejabat *Berita Harian*, berkata:

"Akta Pendidikan Wajib yang diperkenal pada 2003 di Singapura, misalnya, memastikan tenaga kerja yang berpendidikan sudah sedia ada di negara ini. Berbanding dengan Kemboja, undang-undang sebegini tiada. Lantaran itu, pendidikan anak-anak di negara ini diserahkan kepada ibu bapa mereka yang mungkin merasakan persekolahan tidak perlu bagi mengemudi masyarakat yang bersandarkan pertanian sebagai sumber pencarian."

Kini, sudah tiga tahun beliau menjalankan tugasnya dengan penuh kecekalan dengan dirinya terlatih dalam bidang tuntutan sivil dan probet atau pengesahan wasiat.

Ditanya mengenai salah tanggapan ramai mengenai tugas peguam, Cik Roy'yani berkata:

"Ramai yang merasakan apabila kita menjadi peguam, saban waktu masa kita dihabiskan di mahkamah. Memang perbicaraan di mahkamah kelihatan lebih menarik.

"Namun, banyak juga kerja belakang tabir dalam bidang guaman yang memerlukan penyelidikan, memberi maklumat terkini kepada mahkamah dan kerja menulis yang perlui dibereskan. Saya lebih gemar melakukan tugas sebegini daripada berada di mahkamah."

Tanggungjawab yang besar itu dipikulnya dengan keyakinan Tuhan akan membantu melancarkan amanahnya dengan memberi jalan terbaik.

"Sesetengah teman saya menangani kes yang membuatkan mereka begitu emosi. Saya menjauhkan diri saya daripada terikat dengan keadaan sedemikian. Memandangkan saya banyak mengendalikan kes tuntutan sivil, cabarannya lebih pada anak guam yang menyulitkan keadaan dan payah dinasihati.

"Kadangkala dalam proses disoal siasat, anak guam ini juga tidak menjelaskan secara terperinci apa yang patut mereka kongsi atau nyatakan.

"Sebagai peguam, kita harus tangkas mengemukakan bukti kukuh yang boleh meyakinkan hakim bahawa kita di pihak yang benar. Proses menggali maklumat sampai dapat harus menjadi keprihatinan," kata beliau, yang menenangkan minda dengan menonton aplikasi Netflix, melakukan senaman yoga dan berjalan jauh.

> "Saya merasakan segalanya merupakan satu tanggungjawab dan amanah... Apabila saya mendapat tempat di sekolah guaman, saya menerimanya sebagai satu fardu kifayah dan peluang membantu masyarakat... Undang-undang juga pilihan praktikal kerana ia ada di mana-mana. Secara asas, ia mentadbir hidup kita, baik daripada perihal kontrak kepada aset dan perkahwinan. Di mana kita perlu membuang sampah juga ditentukan undang-undang."
>
> **– Cik Cik Roy'yani Abdul Razak.**